

Mudah tipu pembeli

# 14,899 alat timbang sukat dirampas KPDNHEP

**Kuala Lumpur:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merampas 14,899 alat timbang dan sukat atas pelbagai kesalahan sejak 2015 sehingga Oktober lalu.

Tindakan merampas peralatan bernilai RM4.583 juta itu dilakukan ke atas peniaga yang gagal mematuhi peraturan Akta Timbang dan Sukat 1972, termasuk menggunakan peralatan tamat tempoh penentusahan.

Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Penguatkuasaan, KPDNHEP, Peter J Berinus Agang, berkata semua alat timbang dan sukat bagi perdagangan mesti mempunyai pelekat penentusahan.

Katanya, setiap alat timbang sukat mesti diperiksa dan ditentusahkan dalam keadaan tepat oleh Metrology Corporation Malaysia Sdn Bhd (MCM).

"Alat itu mesti diperiksa setiap 12 bulan dan diberikan pelekat khas menandakan ia berada da-

lam keadaan tepat dan boleh digunakan.

"Jika peniaga atau penjual menggunakan alat tidak sah, pengguna mesti melaporkan kesalahan mereka. Setiap pelekat mempunyai tarikh tamat tempoh dan mesti ditampal di sudut boleh dilihat secara jelas," katanya.

Peniaga didapati bersalah menggunakan alat timbang tidak ditentusahkan boleh didenda RM4,000 atau tiga tahun penjara, mengikut Seksyen 14(6) Akta Timbang dan Sukat 1972.

Mengulas mengenai hampir 50 peratus pemilik alat timbang sukat yang masih tidak menyemak semula alatan dengan MCM, katanya, ia membuktikan sikap peniaga tidak menjaga kepentingan.

Secara purata, lebih 450,000 alat timbang dan sukat menjalani pemeriksaan tahunan dengan MCM setiap tahun sejak 2017 dan 2018.

Namun, sehingga Oktober tahun ini, 257,421 yang disemak dan



Keratan akhbar BH semalam.

disahtentukan semula oleh syarikat berkenaan.

Sementara itu, Gabungan Persekutuan Pengguna-Pengguna Malaysia (FOMCA) menerima 4,268 aduan pada 2018, berkaitan produk pengguna dengan kerugian dianggarkan RM10.18 juta, termasuk isu timbang dan sukat. Jumlah itu sebahagian dari-

pada 54,518 aduan membabitkan 23 sektor yang menyebabkan kerugian lebih RM360 juta.

Timbalan Presiden FOMCA, Mohd Yusof Abdul Rahman, berkata walaupun kes membabitkan isu timbang dan sukat rendah berbanding kes lain, ia tetap membabitkan kepentingan pengguna.

Sehubungan itu, katanya, pe-

niaga yang mengambil kesempatan menipu pembeli mesti dikenakan tindakan tegas mengikut Akta Timbang dan Sukat 1972.

"Ada peniaga sengaja membasahkan barangan atau kertas pembungkus barangan seperti sayur supaya beratnya bertambah.

"Mungkin ia cuma bertambah 10 gram, tetapi jika ia dijual pada kuantiti yang banyak dan berlarutan untuk tempoh lama, bayangkan berapa banyak mereka kaut untung," katanya.

Mohd Yusof berkata, antara cara paling mudah mengenal pasti peniaga yang cuba menipu ialah dengan menggunakan alat timbang neraca spring atau alat timbang elektronik yang cuma mempunyai satu muka.

"Sepatutnya, hanya alat timbang dua muka dibenarkan kerana kedua-dua pihak (pembeli dan penjual) boleh melihat jelas jumlah berat barang ditimbang," katanya.